



**GARISPANDUAN
PERMOHONAN DAN
PENGURUSAN LESEN PENJAJA
BERGERAK/STATIK
MENGUNAKAN KENDERAAN
BERMOTOR (MOTOSIKAL,
KERETA DAN TRAK BERGERAK)
MAJLIS BANDARAYA PULAU
PINANG
(PINDAAN 2024)**

SULIT

GARISPANDUAN PERMOHONAN DAN PENGURUSAN LESEN PENJAJA BERGERAK/STATIK MENGGUNAKAN KENDERAAN BERMOTOR (MOTOSIKAL, KERETA DAN TRAK BERGERAK) MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (PINDAAN 2024)

1. TUJUAN:

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memudahcara dan memberi panduan dalam mengeluarkan lesen penjaja bergerak/statik menggunakan kenderaan bermotor bagi tujuan perniagaan di kawasan pentadbiran Majlis.

2. OBJEKTIF:

- 2.1. Majlis sentiasa prihatin terhadap penjaja kecil seiring dengan pembangunan semasa.
- 2.2. Meskipun Pulau Pinang sedang pesat membangun, namun keperluan lapisan masyarakat mendapatkan keperluan harian kini berubah kepada kaedah yang mudah dicapai.
- 2.3. Kaedah perniagaan bergerak dan bersaiz kecil ini didapati lebih mudah, santai dan cepat dalam menyampaikan perkhidmatan kepada masyarakat moden.

3. SKOP DAN PUNCA KUASA:

Kelulusan yang diberikan ke atas Lesen ini adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang, dasar-dasar dan garis panduan berikut:-

- 3.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976
- 3.2 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976
- 3.3 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974
- 3.4 Undang-Undang Kecil Penjaja 1979
- 3.5 Undang-Undang Kecil (Tred, Perniagaan dan Perindustrian) MPPP 1991
- 3.6 Undang-Undang Kecil (Establisymen Makanan) MPPP 1991
- 3.7 Undang-Undang Kecil (Pengendalian Makanan) MPPP 1983
- 3.8 Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2000
- 3.9 Perintah Pengangkutan Jalan (Tempat Letak Kereta) MPPP 2014
- 3.10 Undang-Undang Kecil (Taman) MPPP 1993
- 3.11 Undang-Undang Kecil (Kebersihan dan Keselamatan Awam) MPPP 1980
- 3.12 Undang-Undang Kecil Pengasingan Sampah Dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula (MBPP) 2016
- 3.13 Garispanduan Larangan Penjualan Makanan di Pagar Sekolah

4. LARANGAN AKTIVITI:

Bil.	Aktiviti
4.1	Menjual barangan berkaitan rokok elektronik atau 'vape' atau e-Rokok
4.2	Menjual barangan berkaitan shisha
4.3	Menjual barangan cetak rompak
4.4	Menjual barangan mercun / bunga api
4.5	Menjual minuman keras
4.6	Barangan terlarang

5. KAWASAN LARANGAN PERNIAGAAN:

Bil.	Kawasan Larangan Menjaja
5.1	Dalam lingkungan sembilan (9) meter dari simpang jalan.
5.2.	Dalam lingkungan 30 desimeter / tiga (3) meter dari pili bomba.
5.3.	Di atas tangga, kaki lima atau tempat awam berturap melainkan dibenarkan oleh Datuk Bandar.
5.4.	Dengan cara yang boleh menghalang atau mengganggu perjalanan lancar lalu lintas kereta dan pergerakan bebas mana-mana orang yang berjalan kaki.
5.5	Semua perhentian bas, stesen bas dan tempat teksi.
5.6	Larangan menjaja 40 meter dari pagar sekeliling sekolah tertakluk dibawah garis panduan penguatkuasaan larangan penjualan makanan dan minuman di luar pagar sekolah oleh Pihak Berkuasa Tempatan. (Edisi 2021)
5.7	Di atas lebuhraya.
5.8	Bahu-bahu jalan yang melibatkan kawasan berumput landskap taman atau siarkaki.
5.9	Dalam kawasan taman permainan dan rekreasi.
5.10	Jalan-jalan yang diisytihar sebagai jalan protokol.
5.11	Mana-mana lorong belakang, lorong tepi dan lorong-lorong susur kecuali dengan kebenaran Datuk Bandar.
5.12	Kawasan-kawasan yang diumumkan dinyatakan oleh Majlis (atas faktor risiko keselamatan / kemalangan / kesesakan / aduan).
5.13	Kawasan-kawasan lain tertakluk kepada Undang-Undang Kecil Majlis berkenaan.
5.14	Memasuki dan berniaga di mana-mana kawasan penjaja statik berkelompok (pasar awam, kompleks makanan, tapak penjaja sementara)
5.15	Lot petak letak kereta / motosikal
5.16	Di jalan-jalan masuk utama dan di jalan utama kawasan perumahan (bagi kereta persendirian dan trak bergerak).

6. KATEGORI PEMOHON:

6.1 Kategori yang dibenarkan memohon adalah seperti berikut:

- (i) Individu
- (ii) Perniagaan Perkongsian

- (iii) Syarikat Sendirian Berhad/Berhad
- (iv) Pertubuhan Bukan Kerajaan/Persatuan

7. LOKASI PERMOHONAN:

7.1 Lokasi yang diluluskan oleh MBPP; atau

7.2 Lokasi yang telah dibenarkan bagi aktiviti penjaja kenderaan bermotor seperti berikut:

Bil.	Lokasi	Waktu	Tapak
Motosikal			
1.	Tertakluk kelulusan jawatankuasa teknikal.	8.00 pagi ~ 12.00 tengah malam	-
Kereta persendirian			
1.	Tertakluk kelulusan jawatankuasa teknikal.	8.00 pagi ~ 12.00 tengah malam	-
Trak Bergerak			
1.	TPS Lorong Kulit	6.00 petang ~ 12.00 tengah malam	30
2.	Jalan Ibbetson / Jalan Air Itam	6.00 petang ~ 12.00 tengah malam	10
3.	Tapak Penjaja di atas Lot 340, Jalan Sungai Nipah 4, Balik Pulau	4.00 petang ~ 10.00 malam	3
4.	Lebuh Duke	7.00 petang ~ 12.00 tengah malam	5
5.	Penghujung Jalan Bukit Gambir selepas pintu masuk USM	7.00 petang ~ 12.00 tengah malam	5
6.	Tapak Penjaja Taman Sri Sayang, Jalan Balik Pulau	4.00 petang ~ 10.0 malam	3
7.	Atas tapak parkir hadapan Honda, Jalan Sungai Pinang	7.00 petang ~ 12.00 malam	5
8.	Jalan Khidmat Jalan Mayang Pasir	11.00 pagi ~ 3.00 petang 6.00 petang ~ 12.00 tengah malam	5
9.	Jalan Kg. Jawa, Bayan Baru	11.00 pagi ~ 3.00 petang 6.00 petang ~ 12.00 tengah malam	10
10.	Tapak Penjaja Jalan Lembah Permai	9.00 pagi ~ 12.00 tengah hari 3.00 petang ~ 10.00 malam	12

7.3 Setiap pemegang lesen penjaja bergerak/statik menggunakan kenderaan bermotor tidak dibenarkan untuk berhenti di suatu tempat melebihi 30 minit.

8. DOKUMEN ASAS PERMOHONAN:

Bil.	Dokumen Asas Permohonan
8.1	Kad Pengenalan Pemohon
8.2	Gambar berukuran Pasport
8.3	Surat hak Milik Kenderaan (Kemukakan surat kebenaran jika Surat Hak Milik Kenderaan atas nama orang lain).
8.4	Gambar kenderaan beserta barangan jualan sisi hadapan, belakang dan tepi.
Dokumen Tambahan (Jika Berkenaan)	
8.5	Gambar lokasi dan pelan lokasi tapak perniagaan yang ditandakan (X) (Gambar 'Google Map' TIDAK DIBENARKAN)
8.6	Surat kebenaran pemilik tanah / Pemegang Rezab / Surat kelulusan penyewaan / Perjanjian yang sah / Surat tawaran menduduki petak niaga
8.7	Salinan Pendaftaran Kenderaan / Kelulusan JPJ (jika penjaja berkenderaan)
8.8	Sijil kelulusan PUSPAKOM yang masih sah tempoh.
8.9	Salinan pelan badan kenderaan yang telah diluluskan oleh JPJ (Bagi permohonan kereta dan trak bergerak sahaja).
8.10	Maklumat pemandu sekiranya lain dari pemohon (Bagi permohonan kereta dan trak bergerak sahaja).
8.11	Sijil Halal dari JAKIM (jika berkaitan)
8.12	Senarai nama dan bilangan pekerja (jika berkaitan bagi permohonan kereta & trak bergerak sahaja).
Dokumen Yang Perlu Disediakan Selewat-Lewatnya 3 Hari Selepas Kelulusan	
8.13	Bukti suntikan Anti Typhoid (TY2) yang masih sah - untuk penjaja makanan/minuman SAHAJA
8.14	Salinan Sijil Kursus Pengendalian Makanan (Pemohon & Pekerja) - untuk penjaja makanan / minuman SAHAJA
8.15	Salinan caruman SOCSO (SKSPS)

9. KADAR BAYARAN:

Kategori	Jenis	Permit Bulanan	Permit Harian/Karnival
Motosikal	Fi lesen	RM15.00	RM15.00
	Fi sampah	RM30.00	RM0.50 sehari
Kereta persendirian	Fi lesen	RM100.00	RM100.00
	Fi sampah	RM37.50	RM1.25 sehari
Trak Bergerak	Fi lesen	RM450.00 (maksima 3 lokasi)	RM50.00 sehari
	Fi sampah	RM225.00 (makanan/minuman)	RM7.50 sehari (makanan/minuman)
		RM75.00 (Barangan am/perkhidmatan)	RM2.50 sehari (Barangan am/perkhidmatan)

10. LAIN-LAIN PERKARA YANG PERLU DIBERI PERHATIAN:

- 10.1 Lesen dikeluarkan oleh Majlis berdasarkan kepada satu lesen bagi satu kenderaan sahaja.
- 10.2 Lesen yang telah dikeluarkan oleh Majlis adalah mengikut lokasi perniagaan yang telah diluluskan.
- 10.3 Perniagaan hendaklah dijalankan oleh pemegang lesen sendiri.
- 10.4 Pemegang lesen hendaklah menjalankan perniagaan dengan sendiri sepanjang masa.
- 10.5 Pajak kecil (*sublet*) adalah tidak dibenarkan.
- 10.6 Pemegang lesen perlu sentiasa mempamerkan kadar harga barangan yang dijual.
- 10.7 Tidak dibenarkan mendirikan apa-apa struktur kekal/kanopi di tapak perniagaan.
- 10.8 Pemegang lesen hendaklah sentiasa mempamerkan lesen yang boleh dilihat dengan jelas oleh pegawai Majlis dan pelanggan.
- 10.9 Kelulusan hanyalah untuk kenderaan yang didaftarkan sahaja dan tidak boleh dipindah milik untuk kenderaan lain.
- 10.20 Peniaga WAJIB mematuhi garis panduan yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri dan Majlis melalui;
 - i) Pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca,
 - ii) *No Plastic Bag* dan menggunakan pembungkus makanan biodegradasi
 - iii) Penggunaan polisterin adalah dilarang
 - iv) *Cashless/ewallet*.
- 10.21 Pemohon digalakkan mengambil bahagian dalam projek kitar semula MBPP.
- 10.22 Lesen hanya diberikan kepada warganegara Malaysia dan keutamaan akan diberikan kepada yang bermaustautin tetap di negeri Pulau Pinang sahaja.
- 10.23 Pembantu/pekerja WARGA ASING adalah tidak dibenarkan sama sekali.
- 10.24 Pemasangan kerusi dan meja untuk pelanggan adalah tidak dibenarkan sama sekali kecuali dengan kebenaran Majlis diatas tanah persendirian sahaja.
- 10.25 Peniaga hendaklah memastikan kawasan perniagaan sentiasa bersih dan bebas dari sampah.
- 10.26 Pemegang lesen hendaklah mematuhi arahan secara lisan mahupun bertulis dari Majlis atau agensi lain pada setiap masa.

- 10.27 Peniaga hendaklah memastikan kawasan perniagaan tidak mengganggu lalulintas hingga menimbulkan kacauganggu.
- 10.28 Majlis tidak bertanggungjawab ke atas sebarang bentuk kemalangan/kecederaan/kecurian yang berlaku semasa aktiviti perniagaan dijalankan.
- 10.29 Peniaga perlu mematuhi peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan dan garis panduan sediaada. Majlis berhak untuk membatalkan lesen sekiranya pemegang lesen melakukan apa-apa kesalahan dan pelanggaran syarat.
- 10.30 Pemegang Lesen Penjaja Bergerak/Statik Menggunakan Kenderaan Bermotor (Motosikal, Kereta Dan Trak Bergerak) HENDAKLAH menyediakan insurans tanggungan awam (minimum RM100,000.00 dan tertakluk pada jenis insurans)
- 10.31 Setiap perubahan pelan perniagaan hendaklah dimaklumkan secara bertulis kepada majlis dan akan dikenakan fi pemprosesan.
- 10.32 Kebersihan - Mematuhi peraturan dan syarat-syarat pengurusan kebersihan dan Undang-Undang Kecil yang dikuatkuasakan oleh Majlis.
- 10.33 Pengurusan Sampah - Mengamalkan pelaksanaan pengasingan sisa di punca sepertimana yang disyaratkan oleh Majlis.
- 10.33 Pengurusan Sampah - Tidak dibenarkan membiarkan sampah di tempat perniagaan semasa dan selepas perniagaan.
- 10.34 Pencemaran - Pemegang lesen perlu mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) yang mengandungi peraturan mengenai pencemaran bunyi, air dan udara.
- 10.35 Kacau ganggu - Majlis boleh mengambil langkah untuk memberhentikan, memusnah dan menghapuskan segala kacau ganggu di kawasan yang dibenarkan.
- 10.36 Iklan - Pemegang lesen hendaklah mematuhi kehendak dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis dalam urusan berkaitan iklan.
- 10.37 Semua iklan yang dipamerkan hendaklah mendapatkan kelulusan dari Majlis.

11. PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

11.1 Kegagalan mematuhi syarat-syarat di atas dan peruntukan Akta, undang-undang kecil penjaja-penjaja 1979, undang undang kecil berkaitan atau arahan Kerajaan Negeri, Majlis boleh mengambil tindakan berikut:-

- i) Kompaun;

SULIT

- ii) Rampasan – semua barangan jualan termasuk peralatan dan kenderaan yang digunakan dalam menjalankan perniagaan
- iii) Pembatalan lesen dan senarai hitam nama pemegang lesen boleh diambil ke atas pemilik yang membenarkan perniagaan dijalankan oleh warga asing.

12. TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa garis panduan ini adalah berkuatkuasa selepas pengesahan Mesyuarat Biasa Majlis (26 Julai 2024).

Disediakan oleh:

Jabatan Pelesenan
Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Tarikh: 19 Julai 2024